



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 JANUARI 2024 (SELASA)

Empat Suspek Kes Curi Lembu Ditahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	25	9 Jan

Empat suspek kes curi lembu ditahan

RAUB - Empat lelaki ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan mencuri lembu milik penternak di Ladang Krau 4, di sini Sabtu lalu.

Suspek berusia 23 hingga 31 tahun itu berjaya ditahan selepas kereta dinaiki mereka terbabas di tapak pasar malam Mempaga.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintenden Mohd Shahril Abd Rahman berkata, hasil pemeriksaan ke atas kereta jenis Proton Wira yang digunakan menemui dua ekor lembu yang cuba dilarikan.

Menurutnya, tiga suspek yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Raub untuk siasatan lanjut, manakala seorang lagi dihantar ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HoSHAS) Temerloh untuk dirawat selepas cedera dalam kemalangan.



FOTO: PDRM

Lembu milik penternak di Ladang Krau 4, Raub yang dilarikan oleh empat lelaki pada Sabtu.

"Siasatan awal mendapati, pada awal pagi hari kejadian, beberapa pemilik lembu di ladang itu membuat rondaan bagi menjaga ternakan mereka dan menyedari kereta tersebut berada di tepi jalan ladang da-

lam keadaan mencurigakan.

"Ketika mereka menghampirinya untuk pemeriksaan, pemandu kereta memecut kenderaan itu, melarikan diri menghala ke jalan utama Mempaga-Lebu."

"Beberapa penternak mencegat kereta tersebut hingga kenderaan dinaiki suspek terbabas di tapak pasar malam Mempaga," katanya.

Mohd Shahril berkata, selepas kemalangan itu, penternak terbabas menghubungi rakan mereka yang dipercayai pemilik haiwan dicuri untuk mengenal pasti dua ekor lembu yang ditemui dalam kereta suspek.

"Hasil semakan lelaki itu mendapati dua lembu yang ditemui itu adalah ternakannya yang dicuri di ladang tersebut. Susulan itu, pemilik lembu terbabas membuat laporan polis pada kira-kira jam 7.50 pagi hari yang sama," katanya.

Beliau berkata, semua suspek ditahan untuk siasatan lanjut dan kes disiasat di bawah Seksyen 379 Kanun Kesejahteraan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR